



**Pembayaran Rayuan Bantuan
Sara Hidup 2019 mulai 30 September 2019
kepada 220,000 perayu sebanyak RM120 juta**

**SIARAN MEDIA
MENTERI KEWANGAN MALAYSIA
YB TUAN LIM GUAN ENG**

**PEMBAYARAN RAYUAN BANTUAN SARA HIDUP 2019 MULAI 30 SEPTEMBER 2019 KEPADA 220,000 PERAYU
SEBANYAK RM120 JUTA**

Seperti yang diumumkan dalam Ucapan Belanjawan 2019, Kerajaan akan meneruskan program Bantuan Sara Hidup (BSH) demi kesejahteraan ekonomi rakyat dengan membantu golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka. Bagi membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan B40 dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat, pembayaran rayuan BSH 2019 akan dilaksanakan mulai **30 September 2019 (Isnin)**. Perincian nilai rayuan BSH 2019 yang diterima adalah seperti berikut:

Pendapatan Isi Rumah	Bawah RM2,000	RM2,001 – RM3,000	RM3,001 – RM4,000
Rayuan BSH 2019 Bagi Penerima Bayaran Fasa 1 (RM300)	RM700	RM450	RM200
Rayuan BSH 2019 Bagi Bukan Penerima Bayaran Fasa 1	RM1,000	RM750	RM500

Pembayaran rayuan BSH 2019 ini akan melibatkan hampir **220 ribu penerima BSH** dengan anggaran peruntukan sebanyak **RM120 juta**. Pembayaran akan dikreditkan terus ke akaun bank masing-masing menggunakan maklumat akaun bank yang didaftarkan semasa permohonan rayuan BSH 2019.

Sejumlah **RM4.2 bilion** telah disalurkan bagi keseluruhan fasa bayaran BSH 2019 (termasuk rayuan) kepada hampir 3.9 juta isi rumah yang diluluskan. Ia turut mengambil kira bayaran kadar tambahan sebanyak RM120 bagi setiap orang anak tanggungan terhad kepada maksima 4 orang anak yang melibatkan hampir 3.6 juta anak penerima BSH.

Anak tanggungan merujuk kepada anak berumur 18 tahun ke bawah dan juga anak OKU tanpa had umur. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi talian bebas tol 1-800-88-2747 serta e-mel kepada **bsh@treasury.gov.my**.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng

Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
28 September 2019

.....